

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lembaga Tabung Haji Lantai 16, Bangunan Tabung Haji, 201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur Tel : 03 2054 2132 Faks : 03 2164 0436 Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre Tel : 03 6207 1919 Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH SERAH ZAKAT RM1.61JUTA KEPADA LEMBAGA ZAKAT MELAKA

MELAKA, 31 Mac 2017 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat berjumlah **RM1,614,922.71** bagi tahun kewangan berakhir 2016 kepada Lembaga Zakat Melaka (LZM) dalam satu majlis ringkas di Dewan Sri Utama, Pejabat TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka.

Pembayaran zakat **TH** telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Adi Azuan Abdul Ghani, Ketua Pegawai Operasi **TH** kepada TYT Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob dan disaksikan oleh YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris Bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka. Pembayaran zakat bagi Negeri Melaka ini mencatatkan peningkatan sebanyak **4.02%** berbanding **RM1,552,520.41** (2015).

YBhg. Dato' Adi Azuan Abdul Ghani berkata sebagai sebuah institusi Islam, **TH** menekankan aspek kelestarian ekonomi ummah dan pembayaran zakat berperanan mempertingkatkan kebajikan masyarakat dan membantu meningkatkan kegiatan ekonomi golongan asnaf.

Pembayaran zakat kepada Pusat Pungutan Zakat di seluruh negara dilaksanakan agar wang tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan asnaf miskin yang layak, dan seterusnya membantu ke arah kemampunan program-program zakat yang bakal dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat Negeri-negeri," kata beliau.

Jumlah keseluruhan pembayaran zakat **TH** 2016 terus mencatatkan peningkatan sebanyak 1.69% (RM60.3 juta) berbanding tahun sebelumnya, RM59.3 juta (2015). Dengan kenaikan ini, **TH** akan meningkatkan lagi program pengagihan zakat secara terus kepada asnaf-asnaf di seluruh negara melalui Program Iqra', Program Ehsan, Program Baiti dan Program Mobiliti. Program-program tersebut diharapkan dapat memberi manfaat secara terus kepada lebih ramai golongan sasar.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Datuk Wira Hj. Yaakub bin Md. Amin, Timbalan Pengerusi Zakat Melaka; YBhg. Datuk Hj. Ibrahim bin Hj. Fadzil, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah LZM, pegawai-pegawai LZM dan **TH**.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, harta tanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 124 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.